**Jenis Akhbar : Harian Metro**
**Tarikh : 29/09/2017**
**Edisi / Muka Surat : Nasional / 52**

HM (m/s 52) 29/09/2017

# Perluas jualan koperasi sekolah

**Kelana Jaya:** Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sentiasa berusaha meningkatkan perniagaan koperasi sekolah di negara ini sesuai dengan peranannya sebagai penggerak kepada pembangunan ekonomi menerusi program jaringan perniagaan bersama pengeluar minuman kultur probiotik terkemuka dunia, Yakult (M) Sdn Bhd (Yakult).



*ABDUL Fattah beramah mesra dengan tetamu pada program jaringan perniagaan bersama Yakult, semalam.*

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya optimis membuka peluang perniagaan kepada koperasi sekolah di Selangor memasarkan produk Yakult.

"Menerusi program ini, 30 sekolah dipilih memasarkan produk Yakult yang mana ia dapat menggalakkan pelajar mengamalkan pemakanan sihat di samping meningkatkan perolehan koperasi sekolah.

"Koperasi sekolah juga tidak perlu bimbang kerana kami sudah berbincang dengan Yakult supaya menjual minuman Yakult pada harga RM1 sebotol," katanya.

Perpustakaan Koperasi Malaysia